

# TRAGEDI GAUNG

■ 2 sahabat terbunuh kereta hilang kawalan

HARIAN METRO (SETEMPAT) 14 NOV 2015 m/s 28

Oleh Shahru Nizam Mohamad  
am@metro.com.my  
Rompin

Dua sahabat terbunuh selepas kereta Proton Saga BLM dinaiki terbalas dan terjunam ke dalam gaung di Kilometer 160, Jalan Kuantan-Seremban, dekat sini, kelmarin.


Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 petang itu, pemandu kereta berkenaan, Shahrizal Ujang, 29, dari FELDA Pasoh, Batu Kikir, Negeri Sembilan, bekerja sebagai konduktor bas dan pemungang, Nur Asyikin Abdullah, 22, dari Tanah Merah, Kelantan, yang menutut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) meninggal dunia di tempat kejadian.

Pegawai Turus Trafik Pengangguran Deputi Superintendant Ahmad Nazri Zainal berkata, siasatan awal mendapati, ketika kejadian kedua-dua mangsa diperdayai dalam perjalanan menghala ke Seremban dari Kuantan.

"Ketika tiba di tempat kejadian, kereta dipandu Shahrizal dipercaya hilang kawalan dan terbalas sebelum terjunam ke dalam gaung mengakibatkan kedua-dua mangsa tersebut di tempat duduk masing-masing," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa ditemui pengguna jalan raya beberapa jam kemudian sebelum sepasukan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Rompin tiba di tempat kejadian untuk mengeluarkan mayat mangsa.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, kedua-dua mangsa dipercaya memakai tali pinggang keledar namun pemanduannya tidak mempunyai lesen memandu. "Mayat kedua-dua mangsa dibawa ke Hospital Muadzam Shah untuk bedah siasat



KEADAAN kenderaan yang dinaiki mangsa yang terbalas dan terjunam ke dalam gaung.

dijalankan," katanya.

Katanya, pada masa sama, polis sudah memaklumkan kepada ahli keluarga mangsa untuk membuat pengeca-

man mayat.

Ahmad Nazri berkata, polis meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu tam-pil di Balai Polis Trafik Rom-

pin untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

**FAKTA**  
Kedua-dua  
mangsa tersepit  
di tempat duduk  
masing-masing